

MODEL MASYARAKAT MINANGKABAU DALAM NOVEL *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK*: SATU PERSEPEKTIF PENCERMINAN

MINANGKABAU SOCIETY MODEL IN THE NOVEL *TENGGELAM KAPAL VAN DER WIJCK*: A MIRRORING PERSPECTIVE

Nordiana Ab Jabar¹
Rafizah Mohd Rawian²
Nor Hasimah Ismail³

¹ nordiana.aj@umk.edu.my Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

¹ rafizah@uum.edu.my Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia (UUM)

¹ nhsimah@uum.edu.my Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia (UUM)

Accepted Date: 30 October 2017

Published Date: 15 April 2018

To cite this document: Jabar, N.A., Rawian, R. M., & Ismail, N. H. (2018). Model Masyarakat Minangkabau Dalam Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*: Satu Persepektif Pencermian. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 40-49.

Abstrak: *Kajian Model Masyarakat Minangkabau Dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck yang membicarakan mengenai sikap-sikap masyarakat Minangkabau yang tercermin dalam penulisan novel Hamka yang berjudul Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. Novel TKVDW yang dihasilkan oleh Hamka ini sarat dengan mesej-mesej yang berkaitan dengan masyarakat. Kajian ini berbentuk diskriptif kualitatif yang menggunakan kaedah pembacaan dalam mengolah kesemua data yang diperolehi. Kajian ini bersandarkan pada Teori Sosiologi Sastera melalui Model Cermin. TKVDW merupakan sebuah karya sastera yang bertunjangkan kepada aspek percintaan yang terhalang dek adat dan suku, yang secara tidak langsung terselitnya sikap-sikap masyarakat dalam suku Minangkabau yang dikatakan terlalu beradat dan berlembaga hingga mengetepikan konsep kewarasan akal dalam berfikir bagi memutuskan sesuatu hal. Sikap masyarakat terutamanya golongan tua yang terlalu menyanjung tinggi adat, darjat dan keturunan dalam menentukan kebahagiaan hidup golongan muda yang jelas tercermin dalam novel TKVDW.*

Kata Kunci: *Minangkabau, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Model Cermin, Deskriptif Kualitatif*

Abstract: *The Model Study of the Minangkabau Community in the novel The Sinking of the Van Der Wijck discusses the attitudes of the Minangkabau community, which is reflected in Hamka's novel The Sinking of the Van Der Wijck. The novel, produced by Hamka, is full of messages related to the community. This study is a descriptive qualitative research that applies the reading method in interpreting all the data obtained. This study is based on the Theory of Literary Sociology through the Mirror Model. TSOTVDW is a literary work that revolves around love that is forbidden by customs and tribes. Indirectly, it encompasses the attitudes of the Minangkabau people that relies heavily on customs and constitutions that often sets aside logical thinking in decision making. As reflected in the novel, the attitudes of the community, especially the older generation, exalts customs, rank and lineage above all others in determining the happiness of the younger generation.*

Key words: *Minangkabau, The Sinking of the Van Der Wijck, Mirror Model, Descriptive Qualitative*

Pengenalan


Karya sastra dihasilkan bertujuan menarik minat masyarakat untuk membaca di samping menghayati karya yang dihasilkan oleh pengarang. Melalui penghayatan yang mendalam, khalayak dapat memahami maksud tersurat dan tersirat yang terdapat di dalam sesebuah karya sastra yang dihasilkan kerana menerusi pembacaan mereka dapat mengambil serba sedikit mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang. Seketika khalayak membaca sesuatu karya sastra itu, bermakna dapat menyelami watak-watak yang wujud dalam karya tersebut. Hal ini dimana watak-watak ini akan menampilkan pelbagai perwatakan dan tingkah laku yang menunjukkan sikap masyarakat itu sendiri tanpa sedar dan ia mencerminkan kehidupan manusia di alam nyata. Melalui watak-watak inilah wujudnya sosiologi sastra, iaitu difokuskan pada aspek pergaulan sesama individu, malahan dalam kelompok masyarakat agar sesuatu karya yang dihasilkan dapat dijadikan ikhtibar atau cerminan dalam kehidupan sehari-hari.

Data analisis dalam kajian ini diilhamkan berdasarkan teks novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (seterusnya TKVDW) iaitu hasil karya Hamka cetakan pada tahun 2015. Novel TKVDW ini terdiri daripada 290 halaman yang mengandungi sebanyak 28 bab keseluruhannya. Plot peristiwa atau jalan cerita yang disusun oleh pengarang dalam novel TKVDW ini mengikut alur kronologi agar mudah difahami oleh pembaca. Dalam kajian ini, segala data dan maklumat yang diambil adalah data dalam bentuk kata-kata dari ungkapan-ungkapan dalam perkataan ataupun peristiwa-peristiwa yang disampaikan pengarang melalui aturan analogi yang berbentuk naratif yang terdapat dalam novel TKVDW. Keseluruhan data yang diambil adalah berdasarkan pada aspek sosiologi iaitu kemasyarakatan yang meliputi jalinan naratif, watak dan perwatakan serta sebagainya.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menjelaskan sikap-sikap masyarakat di Minangkabau pada suatu ketika dahulu yang diungkapkan dalam karya sastra yang terdapat dalam hasil tulisan Hamka iaitu novel TKVDW. Pelbagai sikap masyarakat Minangkabau yang ada pada waktu itu sama ada positif mahupun negatif. Oleh itu, untuk penjelasan yang lebih mendalam pengkaji akan menghuraikan setiap sikap yang terdapat dalam novel ini yang dimana ia mencerminkan sikap masyarakat Minangkabau di dunia realiti. Menurut Navis (1984) menyatakan Minangkabau lebih kepada kultur etnis dari suatu rumpun Melayu yang tumbuh

dan besar kerana sistem monarki serta menganut sistem adat yang khas, yang bercirikan dengan sistem kekeluargaan melalui jalur perempuan atau lebih dikenali sebagai matrilineal walaupun budayanya juga sangat kuat diwarnai ajaran agama Islam.

Masyarakat Minangkabau melalui sistem matrilineal ini kaum lelaki iaitu suami atau ayah tidak mempunyai sebarang hak terhadap keluarganya iaitu pada isteri dan anak-anaknya serta pada harta pusaka. Di samping itu juga ayah atau suami tidak mempunyai sebarang kelebihan kerana semuanya telah diambil alih dan diuruskan oleh kemenakan iaitu pihak saudara lelaki dari pihak ibu. Di sini jelas terlihat bahawa peranan mamak atau bapa saudara sangat berpengaruh dalam kehidupan anak saudaranya termasuklah dalam hal pendidikan dan perkahwinan, sehinggakan tidak ada sesiapa pun yang boleh mengganggu gugat segala keputusan yang telah dibuat. Ketinggian adat Minangkabau ini juga memberi kesan pada orang lain iaitu sikap masyarakatnya dalam melayani pendatang baru, walaupun pendatang itu dari bangsa mereka sendiri tetapi berbeza disebabkan oleh suku berlainan akibat daripada tidak mempunyai keluarga perempuan. Perkara ini disebabkan oleh adat Minangkabau yang tidak lapuk oleh hujan, tidak lejang oleh panas.



Rajah 1: Sistem Masyarakat Matrilineal

Analisis Dan Perbincangan

Masyarakat Dalam Pendidikan

Pendidikan merupakan sesuatu yang asas kepada kehidupan manusia di dunia ini. Hal ini kerana menerusi pendidikan, manusia akan dapat mengembangkan peradaban dan kebudayaan sesuatu bangsa dengan lebih baik. Suatu pendidikan yang dimiliki oleh seseorang itu akan terus berkembang apabila ia mula keluar dari kepompong hidup lamanya atau merantau ke suatu tempat yang baru dalam mencari ilmu yang bertujuan untuk mengubah nasib dirinya sendiri, keluarga, bangsa dan negara.

Antara huraian yang ada dalam novel TKVDW iaitu yang berkaitan dengan pendidikan adalah pada watak Zainuddin yang sedang berbicara dengan Mak Base bahawa dia ingin merantau ke negeri Padang bagi menuntut ilmu agama dengan lebih mendalam lagi bagi mengubah nasibnya.

...Sempit rasanya alam saya, Mak Base, jika saya masih tetap juga di Mengkasar ini. Ilmu apakah yang akan saya dapat di sini, negeri begini sempit, dunia terbang, akhirat pergi. Biarlah kita sempurnakan juga cita-cita ayah bundaku. Lepaslah saya berangkat ke Padang. Kabarnya konon, di sana hari ini telah ada sekolah-sekolah agama. Pelajaran akhirat telah diatur dengan sebagus-bagusnya...

(Menuju Negeri Nenek Moyang: halaman 18)

Huraian seterusnya, dimana Zainuddin telah dihalau dari Batipuh ke Padang Panjang oleh Datuk Garang, mamak kepada Hayati sekiranya benar dia ingin menuntut ilmu agama seperti mana yang dia hajati sewaktu meninggalkan Mengkasar dahulu.

...Di kota ituah Zainuddin belajar agama. Dalam mempelajari agama diambilnya juga pelajaran bahasa Inggeris, dan memperdalam bahasa Belanda. Malam dia pergi kepada seorang sersan pension di Guguk Malintang mempelajari permainan biola...Di Padang Panjang itu baru dapat Zainuddin menyampaikan cita-citanya seketika dia berniat hendak meninggalkan Mengkasar dahulu...

(Di Padang Panjang: halaman 92 & 93)

Walau bagaimanapun, dalam aspek pendidikan kaum perempuan seringkali berada terbelakang pada kedudukan domestik dan tidak memiliki kebebasan sebagaimana yang dimiliki kaum lelaki. Sikap seperti inilah yang telah menyebabkan kaum perempuan Minangkabau terbelakang dan seringkali dipandang rendah oleh umum. Hal ini kerana kaum perempuan hanya diberi kesempatan yang kecil dalam memperoleh pendidikan jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Meskipun begitu, kaum perempuan Minangkabau dalam novel ini iaitu dalam bab 4 telah diberi peluang untuk menuntut ilmu sehingga boleh berhijrah ke tempat lain.

...Meskipun adat masih kuat, namun gelora pelajaran dan kemajuan agama yang telah berpengaruh di Sumatra Barat, tidak jua melepaskan rumah adat yang kokoh itu dari cengkamannya. Meskipun kehendak dari mamak yang tua-tua hendak menahan juga anak kemenakan yang perempuan menuntut ilmu halangan itu sudah percuma saja. Gadis-gadis seisi rumah itu, yang selama ini turun sekali se-jumaat diiringkan dayang-dayang banyak, sekarang telah mengepit kitab, melilitkan selendang pula, pergi menuntut ilmu. Ada yang ke Ladang Lawas, ada yang ke Gunung, dan ada juga yang ke Padang Panjang...

(Tanah Asal: halaman 28)

Di sini dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan suatu yang penting dalam kehidupan. Sekiranya seseorang itu tidak berilmu, dia tidak akan dapat memajukan dirinya dan akan terus terkebelakang. Oleh sebab itu, terdapat segelitir masyarakat akan pergi merantau demi mencari ilmu bagi memajukan diri, keluarga dan keturunannya. Di samping itu, pemikiran tradisional atau kuno masyarakat Minangkabau sebenarnya masih lagi wujud, dimana pendidikan bagi kaum perempuan akan dikawal rapi kerana mereka masih menganggap bahawa tugas kaum perempuan hanya sekadar mengurus rumah tangga semata-mata. Hal inilah yang cuba diolah oleh pengkaji untuk menunjukkan bahawa sikap masyarakat Minangkabau yang pada suatu ketika dahulu terlalu menggonggong kehidupan kaum perempuan terutamanya dalam bidang pendidikan.

Masyarakat Dalam Adat

Adat merupakan sikap dan kelakuan seseorang yang diikuti oleh orang lain. Hal ini kerana adat mencerminkan jiwa dan keperibadian dari suatu masyarakat atau bangsa. Menurut Muhammad dalam kajian yang dilakukan oleh Serafianus Maximus Rabu Goti (2014), adat merupakan kebudayaan dan pandangan hidup bangsa yang akan memberi pedoman kepada sebahagian besar masyarakat tempatan (Indonesia) dalam kehidupan sehari-hari, dalam hubungan sesama masyarakat iaitu komunikasi tidak kira di desa mahupun kota.

Berbeza dengan kebanyakan budaya yang berkembang di dunia, budaya Minangkabau menganut sistem matrilineal iaitu sistem keturunan yang diambil menurut garis ibu (perempuan). Sistem keturunan ibu ini mempengaruhi ruang lingkup yang meluas dalam segala aspek kehidupan masyarakat yang sentiasa menghayati mustika yang terkandung di dalam ajaran adat Minangkabau (H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, 2004: 42).

Hal ini sudah tercermin dalam bab 1 novel TKVDW, iaitu Pandekar Sutan yang tidak mempunyai adik-beradik lain terutamanya perempuan sebagai penyambung keturunan dalam keluarga.

...Seorang anak muda bergelar Pandekar Sutan, kemenakan Datuk Mantari Labih, adalah Pandekar Sutan kepala waris yang tunggal dari harta peninggalan ibunya, kerana dia tak bersaudara perempuan. Menurut adat Minangkabau, amatlah malangnya seorang laki-laki jika tidak mempunyai saudara perempuan, yang akan menjagai harta benda, sawah yang berjenjang, bandar buatan, lumbung berpereng, rumah nan gadang...

(Anak Orang Terbuang: halaman 4)

Pegangan adat di Minangkabau ini terus diagungkan, terlihat mulia oleh masyarakatnya terutama golongan tua. Sedangkan niat suci manusia iaitu golongan muda diperlekehkan. Langsung tidak dipandang, yang dipandang hanyalah kekayaan, suku dan keturunan yang pada suatu masa nanti ia akan hilang dari pegangan. Pengkaji mengolah dengan jelas akan hal ini dan ia sememangnya ada dalam novel TKVDW hasil tulisan pada bab 8.

...Seorang anak muda, yang berkenalan dengan seorang anak perempuan, dengan maksud baik, maksud hendak kawin, dibusukkan, dipandang hina. Tetapi seorang yang dengan gelar bangsawannya, dengan titel datuk dan penghulunya mengawini anak gadis orang berapa dia suka, kawin di sana, cerai di sini, tinggalkan anak di kampung anu dan cicirkan di kampung ini, tidak dicela, tidak dihinakan. Seorang anak muda yang datang ke kampung, yang lahir dari perkawinan sah, dan ibunya bukan pula keturunan sebarang orang, malah Melayu pilihan dari Bugis, dipandang orang lain. Tetapi harta seorang ayah, yang sedianya akan turun kepada anaknya, dirampas, dibagi dengan nama "adat" kepada kemenakannya. Kadang-kadang pula pemberian ayah kepada anaknya semasa dia hidup, diperkarakan, dan didakwa ke muka hakim oleh pihak kemenakan, tidak tercela, bahkan terpuji...

(Berangkat: halaman 75)

Selain itu, kekuatan adat yang dipegang oleh masyarakat Minangkabau ini terlalu berlebihan sehingga mengumpamakan lebih baik mati daripada memalukan suku dan ketua adat iaitu ninik mamak. Contoh yang dapat pengkaji keluarkan dari novel adalah pada bab 13, sewaktu keluarga Hayati mengadakan musyawarah dalam membuat keputusan untuk menerima lamaran Aziz dan menolak lamaran Zainuddin.

...Mak Tengah Limah menjawab bahawasanya cinta Hayati rupanya masih melekat kepada Zainuddin orang Mengkasar itu. Yang hadir tercengang-cengang. Mamak Datuk Garang merah matanya mendengar-kan perkataan Limah seraya berkata, "Membuat malu, hendak menginjak kepala kami ninik mamak." "Bagaimana kalau dia makan hati berulam jantung sebab maksudnya tidak"

*sampai. Berapa banyaknya gadis-gadis yang membunuh diri lantaran tidak bertemu dengan yang dicintainya, atau dia mati merana saja?” kata Limah...
... “Lebih baik dia mati, senang kita; daripada dia memberi malu ninik mamak, merusak adat dan lembaga, mengubah cupak nan usali. Apa guna dia hidup kalau akan mencontengkan arang di kening dan menggoreskan malu di muka kita?” ...*
(Pertimbangan: halaman 142)

Perbuatan menjual harta pusaka di Minangkabau tidak dipersetujui dalam hukum adat kerana ia akan membawa kesan dalam kehidupan. Kesan tersebut tidaklah sedikit kerana ia memberi pengaruh pada pergaulan, ekonomi dan juga kedudukan masyarakat itu sendiri. Sekiranya ingin juga menggadai, perbuatan itu haruslah berdasarkan kepada kata muafakat dengan anak kemenakan yang bersangkutan. Hal seperti ini ada dinyatakan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* pada bab 15.

...Karib dan bait, ipar dan bisan amat ramai dalam rumah yang gedang itu. Berkali-kali lumbung dipanjat, menurunkan padi yang dijemur dan ditumbuk. Karena menurut pepatah Minangkau, harta pusaka tak boleh diusik dan digaduh, melainkan jika bertemu sebab yang empat perkara: “Rumah gedang ketirisan, adat pusaka tak berdiri, mayat terbujur tengah rumah, gadis gedang belum berlaki” Kalau bertemu sebab yang empat itu, maka “tak kayu jenjang dikeping, tak emas bungkal diasah...

(Perkawinan: halaman 181)

Secara ringkasnya, pengkaji dapat menyatakan di sini bahawa adat sememang perlu dalam setiap kelompok masyarakat kerana ia sebagai lambang atau simbolik sesuatu bangsa yang wujud. Di samping itu juga adat merupakan sesuatu yang tidak boleh dijual beli walau dengan apa sekalipun. Oleh sebab itu, biarlah adat tersebut sesuatu yang baik, yang dipuji, disanjung oleh setiap lapisan masyarakat dan bukanlah adat yang memperkotak-katikkan manusia lain sehingga maruah dan harga diri manusia itu tidak terlihat.

Masyarakat Dalam Adab

Adab membawa istilah kesopanan, kebaikan budi pekerti dan akhlak yang mulia serta suatu perbuatan yang terpuji dan mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar. Menurut Al-Attas dalam kajian S. Kismanto (2016), pemahaman terhadap adab sangat penting kerana adab akan mendidik manusia agar menjadi seseorang yang mulia. Hal ini kerana melalui adab manusia itu dapat menyelamatkan diri dari pemikiran-pemikiran dan tingkah laku yang mengelirukan bagi memperhalus budi pekerti seseorang itu. Pengertian adab dalam Islam yang dikaji oleh Nurul Hamiza Nodzari (2012) ialah mencantikkan dan mengindahkan lagi setiap perjalanan hidup umat Islam dalam kehidupan ini sebagai hamba-Nya yang bertaqwa. Skop adab yang akan diolah oleh pengkaji adalah seperti adab melayan tetamu, adab dalam mengeluarkan pendapat, musyawarah dalam mengambil suatu keputusan dan adab bergaul.

Novel *TKVDW* hasil tulisan Hamka menjadi cerminan kepada sikap masyarakat Minangkabau dalam adab melayan tetamu. Peristiwa ini berlaku pada permulaan cerita, iaitu pada watak Pandekar Sutan yang enggan pulang ke tanah asalnya, Tanah Minangkabau setelah hukuman yang dijalaninya telah tamat. Hal ini kerana dia faham benar akan sikap masyarakat Minangkabau itu sendiri dalam menerima seseorang yang tidak berharta dan bersuku dalam bangsa mereka terutamanya apabila seseorang itu tidak mempunyai saudara perempuan dalam keluarga sebagai penyambung keturunan, walaupun itu keluarga kandungnya.

...Saudara yang kandung tak ada, terutama saudara perempuan. Ibu tempat perlindungan orang laki-laki di negeri yang berbangsa ibu itu telah lama pula meninggal. Meskipun dia akan diterima orang dengan muka yang manis, yang terkandung di dalam hati mereka tentu lebih pahit. Sebab dia tak beruang, kepulungannya menimbulkan cemburu hati keluarga-keluarga dalam persukuan...

(Anak Orang Terbuang: halaman 8)

Sikap demokrasi pada masyarakat merupakan satu produk budaya Minangkabau yang cukup menonjol. Sikap demokrasi ini disebabkan oleh sistem pemerintahan Minangkabau yang terdiri dari banyak negeri, dimana pengambilan keputusan haruslah berdasarkan pada musyawarah (Diana Rozelin, 2011). Menurut H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu (2004: 121) musyawarah adalah mempertimbangkan segala sesuatu dengan semasak-masaknya, sebab dan akibat yang akan terjadi sebagai akibat putusan persesuaian bersama itu, berdasarkan kebenaran dan kewajaran Hal ini dimana, musyawarah merupakan suatu keutamaan dari aturan adat Minangkabau yang didasarkan kepada alur patut menurut adat. Oleh itu, musyawarah dalam adat Minangkabau sangat dititikberatkan agar mendapat kata putus yang dipersetujui oleh semua.

Adab bermusyawarah yang ditonjolkan oleh pengarang melalui novel TKVDW dan cuba dikeluarkan oleh pengkaji adalah pada bab 13 iaitu sewaktu ninik mamak Hayati ingin mengambil keputusan (kata sepakat) terhadap lamaran peminangan yang dihantar oleh keluarga Aziz terhadap Hayati.

...Setelah segala permintaan dari pihak Aziz disampaikan orang kepada Datuk...dan kepada segala ninik mamak yang berkuasa di dalam rumah nan gedang itu; setelah sampai pula surat yang dikirimkan Zainuddin, diadakan permusyawaratan ninik mamak, menurut adat yang terpakai. Mamak-mamak duduk berapat di kepala rumah yang di hilir, perempuan-perempuan duduk di dekat jalan ke dapur, mendengarkan buah muafakat dari jauh...

(Pertimbangan: halaman 139)

Menurut H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu (2004: 25), sekiranya berlaku pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan dalam masyarakat yang dimulai dengan melanggar ketentuan yang diatur oleh adatnya seperti di Minangkabau, pada akhirnya akan menimbulkan hal-hal yang tidak baik di dalam hubungan manusia itu sendiri. Peristiwa ini terlihat pada bab 7 iaitu pergaulan antara Hayati dan Zainuddin yang telah menjadi buah mulut masyarakat kampung hingga telah menjejaskan nama baik keluarga Hayati di mata umum.

...Sesungguhnya persahabatan yang rapat dan jujur di antara kedua orang muda itu, kian lama kian tersiarlah dalam dusun kecil itu. Di dusun, belumlah orang dapat memandangkan kejadian ini dengan penyelidikan yang saksama dan adil. Orang belum kenal percintaan suci. Yang terdengar sekarang, yang pindah dari mulut ke mulut, ialah bahwa Hayati, kemenakan Datuk... telah ber-"intaian" bermain mata, berkirim-kiriman surat dengan anak orang Mengkasar itu...

(Pemandangan di Dusun: halaman 66)

Seterusnya, adab pergaulan masyarakat kota iaitu sewaktu Hayati yang ditemani oleh Mak Tengah Limah pergi ke Padang Panjang dengan menumpang di rumah Khadijah iaitu

saudaranya bagi tujuan berjumpa dengan Zainuddin. Pergaulan yang agak bebas antara lelaki dengan perempuan telah membuatkan Hayati kurang selesa dengan situasi seperti ini dan peristiwa ini terlihat dalam bab 10 novel TKVDW, karya Hamka.

...Meskipun senantiasa Khadijah menunjukkan mukanya yang manis kepada Hayati namun sehari dua itu Hayati masih kaku apalagi kalau bukan dengan saudara yang kandung, amat berat rasanya berdekat-dekatan duduk dengan laki-laki lain, tetapi rumah Khadijah, yang bersaudara laki-laki itu, dan saudara laki-laki itu pun banyak pula mempunyai teman sahabat, yang leluasa dalam rumah itu, semuanya menyebabkan Hayati lama sekali baru dapat menyesuaikan diri dalam rumah tersebut...

(Pacu Kuda dan Pasar Malam: halaman 97 & 98)

Seperti yang telah diolah oleh pengkaji, pergaulan ataupun hubungan antara seseorang dengan seseorang yang lain itu penting kerana mempengaruhi status kedudukan dalam kalangan masyarakat. Pergaulan yang terjalin memberi dua perspektif yang berbeza iaitu baik dan buruk, tetapi seseorang itu berhak dalam memilih dan menentukan yang mana terbaik untuk dijadikan teman bergaul dalam kehidupannya. Justeru itu, seseorang perlu bijak dalam menyesuaikan diri tidak kira walau apa jua keadaan agar pergaulan tersebut tidak membawa kesan yang buruk terhadap diri, keluarga dan masyarakat itu sendiri.

Masyarakat Dan Ekonomi

Susah senang hidup ini bergantung pada bagaimana manusia itu berusaha untuk memperbaiki dirinya, memperbaiki perekonomian keluarganya dan manusia itu sendiri yang menentukan warna kehidupan yang akan dijalankannya pada masa akan datang. Oleh sebab itu, manusia perlu berusaha untuk mengubah kehidupan mereka agar menjadi lebih baik.

Sepertimana Zainuddin yang ingin mengubah hidupnya agar lebih maju, dimana dahulunya dia telah tewas disebabkan oleh seorang perempuan. Sehingga mengakibatkan dirinya terombang-ambing, tidak terurus dan jatuh sakit selama berbulan-bulan. Setelah sembuh dari sakit itu, Zainuddin mengambil keputusan untuk merantau ke tempat lain bagi meneruskan hidup dan melupakan segala kejadian-kejadian yang telah menimpa dirinya.

...Saya sudah pikirkan bahwa yang lebih maslahat bagi diri saya dan bagi perjuangan yang akan ditempuh di zaman depan, saya terpaksa pindah dari kota padang Panjang. Saya hendak ke Tanah Jawa. Di Tanah Jawa nasihat Bang Muluk itulebih mudah dijalankan daripada di sini. Lagi pula kalau Padang Panjang kelihatan juga, pikiran yang lama-lama timbul-timbul juga...

(Menempuh Hidup: halaman 198)

Kehidupan Zainuddin semakin membaik setelah penghijrahannya ke Tanah Jawa memberi tuah padanya. Hidupnya diteruskan dengan mengarang hikayat-hikayat, roman dan syair lalu diberikan kepada editor surat khabar untuk diselitkan dalam ruangan yang sedia ada. Kepengarangan Zainuddin semakin menjadi buah mulut masyarakat, apabila ia berjaya menambat hati pembaca untuk membaca semua hasil karangannya itu. Justeru itu, dia menolak semua tawaran pekerjaan oleh syarikat surat khabar kerana mengambil keputusan untuk membuka perniagaannya sendiri Surabaya setelah dia mengetahui bahawa karangan-karangannya telah diterima umum dibawah nama pena "Z".

...Bahkan dalam masa yang tidak lama kemudian, direktur dari satu surat kabar harian telah datang ke rumahnya menawarkan pekerjaan menjadi redaksi dalam surat kabar itu, spesial mengatur ruangan hikayat, roman dan syair. tetapi dia tidak mau, karena ia mempunyai cita-cita lain. Setelah dia tahu bahwa buah penanya telah menjadi perhatian umum, mengertilah dia bahwa inilah tujuan yang tetap dari hidupnya. Daripada bekerja di bawah tangan orang lain, lebih suka dia mengeluarkan dan membuka perusahaan sendiri...

(Jiwa Pengarang: halaman 201 & 202)

Penghidupan yang baik bergantung pada diri seseorang itu sendiri bagaimana dia ingin mengubah dirinya di mata umum. Oleh sebab itu, dalam meneruskan kehidupan yang mendatang seseorang itu perlu sentiasa berusaha dengan pelbagai cara agar masa depannya lebih cerah dan baik dari yang lalu. Salah satu cara untuk menyara hidup adalah dengan merantau ke suatu tempat yang baru bagi mencari pengalaman, mengubah pemikiran, dan cara hidup di samping menambah pendapatan ke peringkat yang lebih baik.

Kesimpulan

Hamka menerusi karya tulisannya telah menegaskan kehidupan sosial yang bertunjangkan pada adat semata-mata mampu merosakkan kemurnian jiwa individu dan masyarakat itu secara keseluruhannya. Novel TKVDW juga telah memberi kesedaran pada semua lapisan masyarakat dan menjadi cerminan terhadap realiti kehidupan kerana banyak memaparkan tentang permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat Minangkabau pada masa itu. Di samping itu, kehidupan sosial manusia yang mendepani isu perbezaan antara kaum dan bangsa juga telah menjadi sandaran bagi Hamka dalam menghasilkan karya ini, iaitu novel TKVDW. Secara kesimpulannya, pengkaji dapat nyatakan disini bahawa masyarakat Minangkabau ialah sebuah kelompok masyarakat yang diterima secara adat dan peraturan suatu kaum di Minangkabau dalam sistem matrilineal. Maka, terjadinya permasalahan apabila terdapat segelintir golongan yang cuba untuk mengubah dan mengganggu gugat kedudukan ninik mamak selaku ketua dalam sesuatu keluarga itu. Sikap inilah yang menjadi tonggak kepada kajian novel TKVDW, dimana segala keputusan yang dilakukan oleh Hayati dan Zainuddin itu berpunca daripada ninik mamak Hayati sejak dari mula. Sikap dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya persekitaran sosial melalui proses pembelajaran, peniruan, pelaziman dan peneguhan. Sikap yang terdiri daripada komponen afektif, kognitif dan emosi membentuk pandangan kita dan penilaian kita terhadap dunia sosial. Oleh itu, kajian ini menjelaskan bahawa sikap saling memahami terhadap peranan masing-masing sama ada ninik mamak mahupun kemenakan dalam masyarakat Minangkabau pasti tidak akan menimbulkan sebarang masalah dari mana-mana pihak yang akhirnya akan mencipta suatu hubungan yang harmoni bagi keduanya.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Selangor: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Adli Hj Yacob dan Khuzaihah Zakaria. (2008). *Kamus Bahasa Melayu*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya & Amir Hamzah Abdul. (2004). *Psikologi Sosial*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. (2001). *Pokok-pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. (2004). *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak Di Minangkabau*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

- Hamka. (2015). *Tenggelamnya Kapal van der Wijck*. Selangor: PTS Publishing House Sdn.Bhd.
- Hamka. (2016). *Ayahku*. Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd.Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2016). *Teori Sastera Kontemporari Edisi XIII*. Selangor: Pustaka Karya.
- Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi Sosial. Bangi*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsul Nizar. (2012). Prof. Dr. Hamka (1908-1981) *Dinamika Sosial Intelektual & Pemikirannya Tentang Pendidikan Islam*. Selangor: Pustaka Dini.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1992). *Mobiliti Sosial Perspektif Barat dan Islam dalam Novel Terpilih Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka